

Pemetaan Inventori Kepustakaan Ilmu Tradisional dalam Kesusasteraan Melayu

Mapping the Inventory of the Archive of Traditional Knowledge in Malay Literature

SALMAH JAN NOOR MUHAMMAD

Received: 19 March 2024/Accepted: 7 February 2025

ABSTRAK

Kepustakaan ilmu tradisional adalah genre yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu tradisional. Pada 1993, Harun Mat Piah bersama-sama rakan penyelidik memperkenalkan sepuluh inventori utama dalam inventori ini. Himpunan ilmu yang diperoleh daripada manuskrip Melayu membuktikan keabsahan keintelektualan yang dimiliki oleh masyarakat zaman silam. Namun demikian, terdapat permasalahan yang timbul apabila berlakunya isu pertindanan inventori dengan inventori lain berdasarkan perbincangan kajian lepas. Permasalahan lain ialah terdapatnya ilmu lain yang penting dan membawa kemasyhuran kepada masyarakat tetapi tidak tersenarai dalam genre ini. Hal ini menyebabkan skop perbincangan ilmu tradisional tidak berkembang sedangkan manuskrip Melayu mengandungi kepelbagaiannya ilmu yang menyentuh pelbagai bidang. Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, makalah ini bertujuan untuk melakukan pemetaan semula inventori kepustakaan ilmu tradisional terlibat dan seterusnya mengenal pasti dan menghuraikan pemetaan inventori ilmu baharu dalam kepustakaan ilmu tradisional. Metodologi kajian adalah berdasarkan kepada kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Makalah ini berhasil mencapai objektifnya dengan melakukan pemetaan semula dengan menyesuaikan nama dan konsep inventori yang sesuai dan pemetaan inventori ilmu baharu dikenal pasti dalam genre kepustakaan ilmu tradisional. Hasil dapatkan menunjukkan bahawa sebanyak satu inventori ilmu tradisional yang dipetakan semula dan tiga inventori ilmu baharu dalam senarai kepustakaan ilmu tradisional. Dengan adanya penulisan ini, akan dapat membantu memberi pemahaman komprehensif dan dapat dijadikan sumber rujukan kepada khalayak yang memfokuskan pengkajian dalam bidang ini.

Kata kunci: *Kepustakaan ilmu tradisional; kesusasteraan Melayu; Harun Mat Piah; manuskrip Melayu; pemetaan inventori*

ABSTRACT

The Archive of Traditional Knowledge is a significant branch of knowledge within traditional Malay literature. Introduced by Harun Mat Piah and colleagues in 2006, it comprises ten primary inventories that reflect the intellectual richness of ancient populations as evidenced in Malay manuscripts. However, problems arise when there is an issue of overlapping inventories with other collections, as discussed in previous studies. Another issue is the existence of other important knowledge that brings benefits to the community but is not listed within this genre. This situation causes the scope of discussion on traditional knowledge to remain stagnant, even though Malay manuscripts contain a diversity of knowledge that touches on various fields. In light of these issues, the purpose of this study is to remap the inventories that are part of the conventional knowledge literature, followed by the identification and description of new knowledge inventories mapped within this literature. The research methodology is based on library methods and text analysis. This paper successfully achieves its objectives by remapping and adjusting the names and concepts of the appropriate inventories while identifying new knowledge inventories within the genre of traditional knowledge literature. The findings indicate that one traditional knowledge inventory has been remapped, along with three new knowledge inventories included in the list of traditional knowledge literature. It is hoped that this paper will provide a comprehensive understanding and serve as a reference source for the public focusing on research in this field.

Keywords: *The Archive of Traditional Knowledge; Malay literature; Harun Mat Piah; Malay manuscripts; mapping the inventory*

KONSEP ILMU TRADISIONAL DAN KEPUSTAKAAN

Ilmu tradisional membicarakan tentang pengetahuan sesuatu kandungan ilmu yang diperoleh daripada hasil pemerhatian dan pengalaman masyarakat tempatan. Gagne (1985) berpendapat ilmu sedemikian ditanggapi sebagai fakta yang dipelajari walaupun menerusi pengalaman. Harun Mat Piah (2015) pula menyatakan perolehan ilmu tradisional adalah juga melalui ilham, mimpi dan proses sosialisasi. Oleh itu, sebagai bukti kepada amalan tradisi masyarakat, maka ilmu ini dizahirkan melalui dokumentasi secara lisan dan ditransformasi ke bentuk tulisan. Misalnya, ilmu perubatan tradisional yang menggunakan bahan-bahan flora dan fauna yang dipercayai mempunyai khasiat untuk menyembuhkan pelbagai penyakit. Di Perpustakaan Negara Malaysia, terdapat beberapa manuskrip perubatan Melayu yang direkodkan dengan nama Kitab Tib seperti MSS 1796, MSS 1925, dan MSS 1933. Perkara ini membuktikan bahawa ilmu tradisional memerlukan pengetahuan yang dipercayai sebagai perkara yang banyak memberi kemaslahatan kepada masyarakatnya. Muhammad Naquib Al-Attas (2007) mengatakan bahawa ilmu yang hadir dalam kalbu dan berkisar tentang makna sesuatu perkara serta dapat dinyatakan butirannya dengan jelas akan dapat membimbing masyarakat ke arah kebenaran.

Pengaruh kosmologi animisme, agama Hindu-Buddha sehingga kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah mencorakkan dan mengadunkan transisi terhadap aspek adat, kepercayaan serta kebudayaan masyarakat yang menjadikan ilmu tradisional tersedia dalam kevariasian dan menjadi sumber rujukan utama. Ilmu tradisional juga bersifat tahan lama kerana diwarisi dari satu generasi ke generasi lain. Pernyataan ini berpadanan dengan pendapat yang dinyatakan oleh Nazarudin Zainun (2015) bahawa istilah tradisional itu sendiri menunjukkan kepada penyerahan dan pengakuan untuk bertanggungjawab menyampaikan ilmu agar dapat diwariskan kepada individu ataupun kelompok yang mempunyai hubungan erat dengan tradisi dan menjunjung tinggi serta memegang teguh nilai adat dan budaya.

Selain itu, penulisan ilmu tradisional adalah bersifat fungsional dan sinonim dengan status tanpa nama pengarang pada manuskrip yang dihasilkan. Hal ini kerana menurut Harun Mat Piah et.al (1993), ilmu tradisional adalah karya-karya sastera yang bersifat kolektif dan milik bersama masyarakat. Tradisi penulisan karya-karya sastera yang dimaksudkan ini adalah lebih mementingkan penyampaian siratan faedah kepada kolektifnya dan digunakan sebaiknya dalam kehidupan. Oleh itu, pengarang yang menghasilkan karya tersebut adalah mewakili ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh masyarakatnya. Pengarang dipandang sebagai seorang yang berwibawa kerana terlibat dengan suatu pekerjaan yang menuntut suatu bakat atau kesaktian yang tidak dimiliki oleh orang biasa (Zoetmulder, 1989). Menurut Ismail Hussien (1974), Siti Hawa Salleh (2002) dan Harun Mat Piah et al. (2006), karya sastera sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan yang dicipta atau dihasilkan oleh pengarang dengan menggunakan bahasa sebagai medium penyampaian dan mengetengahkan nilai pengajaran adalah bertujuan sebagai panduan hidup kepada masyarakat pengamalnya.

Dalam ilmu tradisional menyimpan khazanah yang bernilai dan melambangkan kearifan bawaan tradisi orang Melayu yang dapat dikenali sebagai kepustakaan. Kepustakaan dari kata akarnya adalah pustaka yang merujuk kepada buku dan kitab lama manakala makna kepustakaan jika diamati dari pengertian *Kamus Dewan* (2005) membawa maksud kesusasteraan. Harun Mat Piah (2005) menyatakan kepustakaan ialah hasil karya yang disampaikan dalam tulisan tangan, kaya dengan pengetahuan dan kemahiran. Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (2015) pula memaknai kepustakaan sebagai sumber bahan bertulis yang dijadikan rujukan bagi perkara-perkara tertentu yang berbentuk informasi atau bersifat pengetahuan. Dengan itu, kepustakaan

dapat difahami sebagai himpunan manuskrip Melayu bertulis, berwahanakan ilmu dan falsafah yang lahir daripada pemikiran dan praktikal oleh masyarakat tempatan. Kepustakaan ini dijadikan sebagai panduan untuk membentuk struktur dan kandungan sesuatu ilmu yang diperlukan agar dapat dipelajari sepanjang hayat serta dapat dijadikan sebagai pegangan hidup.

Ilmu tradisional dan kepustakaan adalah dua konsep utama dalam membentuk operasional menjadi gabungan frasa ‘kepustakaan ilmu tradisional.’ Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (2015) pernah menyatakan bahawa konsep kepustakaan ialah sumber himpunan teks bertulis yang wujud dalam bentuk naskhah (Melayu) dan konsep ilmu tradisional ialah cenderung kepada ilmu pengetahuan tempatan yang terdapat dalam teks-teks berkaitan menurut lingkungan budaya masyarakat tertentu pada tahap tradisional. Secara ringkasnya, konsep kepustakaan dapat dinyatakan sebagai himpunan sumber ilmu bertulis yang dikenali sebagai manuskrip Melayu manakala konsep ilmu tradisional ialah ilmu pengetahuan yang diperoleh menerusi transisi adat, kepercayaan dan kebudayaan serta dizahirkan ke dalam manuskrip Melayu sebagai pedoman atau kiat kepada masyarakat.

Harun Mat Piah et al. (1993, 2000, 2006) mendefinisikan kepustakaan ilmu tradisional sebagai sastera, sains, dan teknologi tradisional atau epistemologi tradisional yang merangkumi pelbagai bidang ilmu. Dalam kesusasteraan Melayu, ia merupakan khazanah bernilai tinggi yang setanding dengan inventori sastera tradisional lain dari segi gaya bahasa dan estetika. Ia memperlihatkan ciri-ciri kesusasteraan yang indah dan sesuai dengan kelaziman yang diterima pakai pada waktu karya itu wujud dan disebarluaskan (Harun Mat Piah, 2005). Salmah Jan Noor Muhammad (2018) mendefinisikan kepustakaan ilmu tradisional sebagai himpunan ilmu pengetahuan yang terhasil daripada pemerhatian alam sekitar dan bertujuan menyelesaikan masalah. Ia merupakan khazanah ilmu tradisional Melayu klasik yang disampaikan secara lisan dan tulisan dalam manuskrip yang mencerminkan falsafah dan pemikiran masyarakat serta diwarisi secara turun-temurun (Nudra Shafini Halis Azhan et al., 2021).

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada rangkuman perbincangan kepustakaan ilmu tradisional, secara jelas menyatakan bahawa untuk mengetahui himpunan ilmu ini secara tuntas adalah menerusi manuskrip Melayu. Apabila membaca dan meneliti manuskrip Melayu, perlu disedari bahawa pengarang zaman silam telah membentangkan pelbagai kandungan ilmu pengetahuan yang dijadikan sebagai panduan kehidupan. Ilmu pengetahuan ini terhasil adalah daripada proses pengamatan, pemerhatian dan pengalaman yang telah berjaya mendokumentasi sumber tersebut yang dapat dibahagi kepada bentuk prosa dan puisi. Ilmu pengetahuan bersifat unggul ini tidak boleh dinafikan sumbangannya yang telah membawa kepada kemaslahatan masyarakat. Ia dikatakan bersifat unggul kerana masyarakat pendukungnya masih lagi mengamalkan ilmu-ilmu tersebut dan berbangga menyebarkannya agar dapat dilestari selain dapat dimanfaatkan dari satu generasi ke generasi lain. Justeru itu, manuskrip Melayu adalah bahan kepustakaan yang menghasilkan ilmu tempatan dan dijadikan sebagai objek penyampaian pembelajaran oleh kelompok majoriti di suatu kawasan kepada pewaris dan penggemar ilmu tersebut.

Penelitian terhadap manuskrip Melayu telah membawa idea kepada Harun Mat Piah, et.al (1993, 2000, dan 2006), untuk menyenaraikan kandungan kepustakaan ilmu tradisional yang terdiri daripada sepuluh inventori, iaitu:

1. Ilmu bintang,
2. Ilmu penjumanan, ramalan atau ilmu firasat,
3. Ilmu perubatan, perdukunan dan perbomohan,

4. Ilmu bahasa,
5. Ilmu hisab atau hitungan,
6. Ilmu tanaman,
7. Ilmu bedil,
8. Ilmu pertukangan termasuk rumah dan senjata tajam,
9. Ilmu berahi dan,
10. Lain-lain, misalnya ilmu perwayangan atau perdalangan, tarian, menyabung ayam dan lain-lain.

Senarai kepustakaan ilmu tradisional yang dikategorikan sebagai genre kesusasteraan Melayu tradisional adalah hasil capaian daripada penelitian manuskrip Melayu. Inventori yang diketengahkan ini adalah berdasarkan kepada tajuk khusus pada manuskrip yang menjadi pedoman. Namun begitu, Harun Mat Piah, et.al (2006) juga menyebutkan bahawa ilmu dalam inventori ini bukan sahaja berfokus kepada judul pada manuskrip tetapi juga terdapat tanpa judul yang isinya tetap membincangkan beberapa ilmu yang dapat ditanggapi sebagai ilmu tradisional. Oleh itu, usaha yang telah dilakukan oleh perintis perlu diterjemahkan ke dalam pelbagai penyelidikan agar sebaran ilmu ini tidak tergendala dan tidak berkembang.

Bagi memantapkan lagi kepustakaan ilmu tradisional, Harun Mat Piah (2014) telah memperkemaskan senarai inventori dari masa ke semasa agar menjadi lebih relevan dan holistik (lih. jadual 4). Berdasarkan senarai inventori tersebut dapat dinyatakan bahawa kepustakaan ilmu tradisional mempunyai keanekaragaman ilmu yang dijadikan sebagai panduan dan nilai tambah pengetahuan kepada masyarakat. Ilmu pengetahuan yang diperihalkan menerusi manuskrip Melayu ini mengetengahkan bentuk sasteranya (*belles letter*) yang kaya dengan keindahan seperti pemilihan diksi, penyusunan kalimat, penggunaan gaya bahasa dan imej (ilustrasi dan iluminasi), unsur pemerian selain menekankan unsur didaktisme serta bersifat bukan fiksyen. Selaras dengan itu, Muhammad Haji Salleh (2000) berpendapat keindahan adalah elemen yang penting dan dijadikan sebagai pengukur kepada kekuatan sesebuah karya kesusasteraan Melayu. Sebelum itu, Braginsky (1994) menyatakan bahawa dalam tradisi kesusasteraan Melayu tradisional, keindahan karya sastera tercermin pada susunan kata, sistem imej dan membawa pengajaran sama ada bersifat keagamaan mahupun sekular.

KAJIAN LEPAS BERKAITAN KEPUSTAKAAN ILMU TRADISIONAL

Kajian lepas mengenai perubatan tradisional Melayu khususnya amalan perubatan, perdukunan, dan perbomohan telah banyak dijalankan oleh beberapa sarjana seperti Harun Mat Piah (2019), Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid, Nurul Wahidah Fauzi (2012), Arba'iyah Mohd Noor (2014), Abdul Ghani Hussain (2015), dan Mohd Affendi Mohd Shafri (2020). Kajian-kajian ini telah mendokumentasikan pengetahuan luas berkaitan penggunaan tumbuhan, kaedah rawatan, proses pembuatan ubat, pantang larang, dan strategi Pencegahan penyakit. Harun Mat Piah (2015) telah menekankan kepentingan mengintegrasikan ilmu ini ke dalam konteks moden termasuk bidang sains perubatan, kimia, biologi, farmakologi, dan botani. Kajian Jamal Rizal Razali et al. (2020) meneliti amalan perubatan tradisional masyarakat Orang Asli Che Wong yang menyerlahkan keperluan untuk memelihara ilmu yang semakin pupus ini. Begitu juga dengan kajian Mohd. Shahhidel Musa (2023) yang menumpukan kepada ilmu perubatan tradisional etnik Melayu Sarawak yang turut menekankan isu pertindihan dengan perbomohan, penggunaan herba

tempatan, amalan pantang larang, dan usaha pemeliharaan serta promosi oleh kerajaan dan NGO. Rohaidah Haron dan Zaiton Zakarya (2023) pula telah membandingkan amalan perubatan dalam manuskrip Melayu dengan kitab perubatan Cina, Bencao Gangmu yang menunjukkan persamaan dan perbezaan dalam penggunaan herba dan konsep keseimbangan badan. Manuskrip Melayu, walaupun kaya dengan pengetahuan herba, mempunyai sistem klasifikasi yang kurang sistematik dan lebih bergantung kepada pengalaman berbanding Bencao Gangmu yang lebih saintifik dan holistik. Perbezaan ini mencerminkan perbezaan falsafah perubatan antara kedua-dua budaya yang dipengaruhi oleh faktor geografi, kepercayaan, dan kemajuan sains. Walau bagaimanapun, kajian sedia ada masih menunjukkan jurang dalam dokumentasi dan pemahaman holistik tentang ilmu perubatan tradisional Melayu. Pendekatan yang mengintegrasikan pelbagai bidang seperti antropologi, sejarah, linguistik, dan farmakologi dalam menganalisis amalan perubatan, kepercayaan, dan strategi pelestarian serta perbandingan dengan sistem perubatan lain masih kurang dilakukan. Oleh itu, kajian akan datang perlu meneliti evolusi amalan perubatan dan strategi pelestarian termasuk penggunaan teknologi bagi memahami kepelbagaiannya dan cabaran dalam memelihara ilmu perubatan tradisional Melayu.

Selanjutnya, inventori mengenai konsep ilmu bedil juga menjadi fokus kajian yang menarik perhatian para pengkaji KIT. Karya-karya terdahulu dalam bidang ini cenderung menyoroti pengetahuan tentang teknologi senjata api yang digunakan oleh masyarakat tempatan, dengan penekanan pada pembahasan komponen, metode penggunaan istinggar dan terakul, kaedah pembuatan peluru, dan teknik menembak. Aspek-aspek ini telah diulas dengan mendalam menerusi penelitian Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (2015), Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah dan Siti Radziah Mustafa (2014), serta Eizah Mat Hussain dan Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi (2021). Tidak hanya itu, aspek bahasa dan budaya literasi persenjataan juga menjadi fokus kajian yang telah diungkapkan oleh Nor Che Mat Farhana et al. (2019). Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa ilmu bedil merupakan ilmu autentik yang tercatat dengan jelas, termasuk ilustrasi rajah pada manuskrip yang bertujuan untuk menerangkan tentang pembuatan dan penggunaan ilmu tersebut sama ada secara teori ataupun praktikal. Dengan demikian, ilmu bedil menjadi bahagian yang penting dalam konteks ilmu tradisional serta memperkaya warisan budaya masyarakat tempatan. Namun, kajian akan datang perlu meneliti aspek sosial, budaya dan peranan ilmu bedil dalam pertahanan negara serta kaitannya dengan kedudukan sosial dan politik, ideologi dan ilmu-ilmu lain. Integrasi data lisan dan bertulis termasuk aspek ekonomi, politik, dan ketenteraan adalah perlu bagi memahami impaknya terhadap perkembangan sosial, budaya, identiti dan kekuatan ketenteraan Melayu.

Selain itu, terdapat kajian lain yang mencetuskan ilmu baharu yang wajar diintegrasikan ke dalam inventori KIT. Salah satunya adalah kajian yang dilakukan oleh Muhammad Marwan Mohd Tanos, et al. (2018), yang membahas petua memasak dengan memfokuskan pada syarat dan sifat tukang masak, ramuan serta kaedah memasak, penggunaan perkakas, timbangan, dan ukuran bahan, berserta petua dan syarat dalam proses memasak. Kajian ini memberikan wawasan baharu yang berkaitan dengan pengetahuan tradisional dalam dunia kulinari. Sementara itu, Muhammad Nasiruddin Mohd Sobri (2019) turut mengkaji ilmu perkasihan Melayu yang memberikan penjelasan tentang kedudukannya dalam konteks perubatan Melayu.

Kajian lepas yang dibincangkan bukan sahaja menyediakan konteks tetapi juga justifikasi yang kukuh untuk kajian ini. Masalah-masalah yang dikenal pasti dalam kajian terdahulu secara langsung mendorong keperluan penyelidikan baharu. Kajian ini dijalankan untuk mengatasi kekurangan tersebut, iaitu dengan menyediakan pemetaan semula inventori sedia ada yang lebih sistematik dan menambah inventori baharu bagi melengkapkan senarai dan lebih penting lagi,

kajian lepas turut menyediakan kerangka kandungan yang membentuk asas bagi hasil dapatan kajian ini.

PERMASALAHAN KAJIAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kerancakan penulisan yang dihasilkan oleh sarjana terhadap kepustakaan ilmu tradisional, didapati bahawa sarjana di atas cenderung menulis dalam bentuk deskripsi dan membicarakan kandungan yang terdapat pada manuskrip. Selain itu, tulisan sarjana juga berfokuskan kepada peranan dan sumbangan yang dapat dimanfaatkan daripada manuskrip yang dijadikan pedoman kepada masyarakat. Terdapat juga kajian yang dilakukan dari aspek bahasa dan budaya yang menonjolkan jati diri bangsa Melayu. Namun begitu, kajian elemen sastera seperti gaya bahasa, dan teknik penceritaan, misalnya teknik pemerian masih lagi tidak ditonjolkan atau tidak dikaji dengan detail pada manuskrip dalam kepustakaan ilmu tradisional. Hal ini penting untuk mengetengahkan elemen sastera agar kajian pada kepustakaan ilmu tradisional dapat dinikmati dengan luas dan tidak bersifat statik dengan jenamanya yang memberi panduan semata-mata.

Selain itu, terdapat juga isu pertindanan inventori yang telah dikenal pasti berlaku. Muhammad Nasiruddin Mohd Sobri (2019) dalam penulisannya berkenaan ilmu perkasihan telah meletakkan ilmu perkasihan dan ilmu firasat di bawah cabang ilmu perubatan. Dalam inventori kepustakaan ilmu tradisional sedia ada, dinyatakan bahawa kedudukan ketiga-tiga inventori ini adalah berasingan dan berdiri sendiri. Begitu juga dengan penulisan Mohd Yusof Abdullah (2017) yang mengkategorikan ilmu pertukangan perahu, kelautan dan pelayaran dalam satu inventori namun sebenarnya ketiga-tiga inventori ini melibatkan tiga disiplin yang berlainan. Misalnya, ilmu pertukangan yang disenaraikan dalam kepustakaan ilmu tradisional cenderung kepada pertukangan rumah dan senjata tajam. Hal ini menyebabkan kajian yang dihasilkan tidak berfokus dan berselerak. Permasalahan ini berlaku kerana tidak terdapat pemetaan dan penjelasan konsep inventori dalam inventori kepustakaan ilmu kepustakaan yang dilakukan dengan tepat dan betul.

Pada kesinambungan itu, pertindihan inventori ini tidak pula berlaku pada inventori yang sudah popular seperti ilmu penujuman, ramalan atau ilmu firasat, ilmu perubatan, perdukunan dan perbomohan, dan ilmu bedil. Hal ini berlaku kerana terdapatnya penetapan judul manuskrip yang khusus atas nama ilmu tersebut serta membincangkan skop kandungan yang bersamaan dengan tema. Oleh demikian, para pengkaji secara jelas dapat mentafsirkan pengisian sesebuah manuskrip dan dapat menentukan letak duduknya manuskrip tersebut pada kumpulan inventori tertentu. Misalnya, Kitab Tabib (Cod.or 1714 dan 1968), dan Kitab Ubat (Cod.or 3215) simpanan Perpustakaan Universiti Leiden, Belanda, jelas menunjukkan bahawa manuskrip ini berada pada inventori ilmu perubatan, perdukunan dan perbomohan. Begitu juga dengan manuskrip Melayu MS31 *Ilmu Bedil*, koleksi Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka dan MSS 1380 *Mentera Menembak* simpanan Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia juga turut diketahui berada pada inventori ilmu bedil.

Namun begitu, permasalahan lain yang berlakunya adalah ketidakseimbangan kajian ilmu yang menyebabkan kajian-kajian terhadap inventori lain tidak dapat diterokai dengan sebaiknya. Pengkajian dominan atau monopoli terhadap inventori tertentu juga ditimbulkan oleh sarjana seperti Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah (2015). Menurut beliau, terdapat ilmu sedia ada dalam inventori yang masih tidak mendapat perhatian dan tenggelam dengan inventori yang popular kajiannya seperti manuskrip-manuskrip ilmu perubatan, ramalan, firasat, penujuman, dan pertukangan. Antara inventori yang dikenal pasti kurang popular dan tidak dikaji dengan

mendalam ialah ilmu hisab, sedangkan terdapat manuskrip Melayu yang direkodkan mengenai inventori ini seperti Ilmu Hitungan (1826 M) Cod.or.12219, koleksi Van Ophusyen. Shaharir Mohammad Zain (2005) mengkategorikan ilmu ini di bawah bidang sains dan teknologi Melayu. Apabila meneliti kajian para sarjana terhadap inventori ini, didapati penulis yang dominan membincangkan ilmu ini ialah Shaharir Mohammad Zain dan Mohamad Alinor Abdul Kadir. Antara tulisan yang dihasilkan oleh Sharir Mohammad Zain ialah *Simbiosis antara Sistem Nilai dengan Tabii Matematik* (2006) sementara Mohamad Alinor Abdul Kadir pula dengan tulisannya bertajuk *Pematematikan simpulan dan ikatan Melayu* (2003). Permasalahan ini dilihat berlaku kerana inventori-inventori dalam kelompok ini kurang dibincangkan di arena penyelidikan dan penerbitan secara menyeluruh.

Dalam pada itu, sarjana juga turut mempersoalkan kedudukan ilmu lain yang tidak disenaraikan dalam inventori kepustakaan ilmu tradisional sedangkan ilmu tersebut sangat penting kerana membincangkan antropologi masyarakat yang direkodkan dalam manuskrip Melayu. Muhammad Marwan Mohd Tanos Zahir Ahmad dan Nik Safiah Karim (2018) menyatakan bahawa terdapat ilmu tradisional Melayu yang belum lagi diberi perhatian dan tidak disebutkan perihalnya dalam inventori-inventori kepustakaan ilmu tradisional sedia ada sedangkan manuskrip Melayu dalam simpanan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mengandungi ilmu-ilmu tersebut. Oleh itu, kajian ilmu baharu yang dilakukan oleh sarjana perlu dicari gali dan diketengahkan sebagai sumber penting dan sekali gus memantapkan senarai inventori kepustakaan ilmu tradisional.

Bertitik tolak daripada permasalahan tersebut, makalah ini adalah bertujuan untuk melakukan pemetaan semula inventori kepustakaan ilmu tradisional sedia ada bagi mengelakkan berlakunya masalah pertindanan perbincangan inventori, dan seterusnya mengenal pasti dan menghuraikan pemetaan inventori ilmu baharu dalam inventori kepustakaan ilmu tradisional agar perbincangan cabang kesusasteraan Melayu tradisional ini menjadi lebih luas dan membuka ruang kajian yang pelbagai dan merentas bidang serta dapat mengelakkan para sarjana membincangkan bidang tertentu sahaja.

Kesusasteraan Melayu tradisional bukan sahaja menyediakan pemahaman menyeluruh tentang kepelbagaiannya ilmu tradisional Melayu malah secara praktikal menyokong usaha pelestarian khazanah intelektual bangsa selain mendorong penyelidikan berimpak tinggi dalam pelbagai bidang. Penemuan kajian ini merangkumi adaptasi ilmu tradisional dalam konteks pendidikan, pelancongan dan pembangunan insan sekali gus memartabatkan dan memperkasakan warisan budaya. Manuskrip Melayu memainkan peranan penting dalam usaha ini, khususnya dalam mendedahkan jati diri, adat resam, kepercayaan, seni, dan amalan masyarakat dan seterusnya merangsang minat dan usaha pelestarian ilmu tradisional untuk generasi akan datang.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Melalui kaedah kepustakaan, fokus pembacaan adalah dengan meneliti jurnal, tesis, majalah dan sumber dalam talian untuk menelusuri kajian lepas dan juga mengenal pasti permasalahan kajian berkaitan inventori kepustakaan ilmu tradisional. Seterusnya, kajian ini menggunakan analisis teks dengan menumpukan kepada analisis deskriptif. Menurut Sugiyono (2014) analisis deskriptif ialah ilmu pengetahuan tentang sesuatu penyelidikan yang digunakan untuk menganalisis data atau dengan menghuraikan data yang telah dikumpul. Dalam konteks ini, analisis deskriptif terhadap bahan kajian dilaksanakan menerusi dua peringkat bacaan. Peringkat pertama ialah bacaan deskriptif

yang membolehkan penulisan ini mendapatkan dan menerangkan data inventori kepustakaan ilmu tradisional yang terkandung dalam manuskrip Melayu dan juga wacana yang membincangkan ilmu ini bagi melakukan pemetaan semula inventori kepustakaan ilmu tradisional sedia ada. Peringkat kedua pula mengaplikasikan bacaan analitikal terhadap manuskrip Melayu yang membolehkan penulisan ini mengenal pasti dan menghuraikan pemetaan semula dan pemetaan inventori ilmu baharu dalam inventori kepustakaan ilmu tradisional. Kedua-dua peringkat bacaan ini adalah untuk merealisasikan objektif-objektif penulisan yang akan dibincangkan pada bahagian analisis kajian iaitu : a) pemetaan semula inventori kepustakaan ilmu tradisional dan b) pemetaan inventori ilmu baharu inventori kepustakaan ilmu tradisional. Secara ringkasnya, jadual di bawah merangkumi langkah-langkah metodologi yang dirancangkan.

JADUAL 1. Langkah-langkah Metodologi Kajian

Bil.	Langkah Metodologi	Keterangan
1.	Pengumpulan Data	Mengumpul data daripada pelbagai sumber seperti jurnal, tesis, manuskrip, dan bahan dalam talian berkaitan inventori kepustakaan ilmu tradisional
2.	Analisis Deskriptif (Peringkat 1: Bacaan Deskriptif)	Menganalisis data menerusi bacaan deskriptif untuk mendapatkan dan menerangkan data inventori kepustakaan ilmu tradisional daripada manuskrip Melayu dan wacana berkaitan
3.	Analisis Deskriptif (Peringkat 2: Bacaan Analitikal)	Menganalisis data menerusi bacaan analitikal terhadap manuskrip Melayu bagi mengenal pasti dan menghuraikan pemetaan semula dan inventori baharu
4.	Perbandingan dengan Kajian Lepas	Membandingkan dapatan kajian dengan kajian sedia ada berkaitan inventori kepustakaan ilmu tradisional
5.	Penulisan	Menulis laporan kajian yang merangkumi pendahuluan, sorotan kajian, metodologi, dapatan kajian, perbincangan, dan kesimpulan

Dalam konteks ini, inventori ilmu ini adalah berdasarkan kepada kewujudan tajuk manuskrip yang khusus sebagai pedoman ilmu tradisional yang terdapat pada katalog-katalog manuskrip terpilih seperti *Katalog Manuskrip Melayu* (2000, 2001 dan 2003). Kriteria pemilihan manuskrip dalam kajian ini menekankan dua aspek utama iaitu kandungan dan tempoh penulisan. Manuskrip yang dipilih adalah yang mengandungi maklumat berkaitan dengan inventori ilmu tradisional berdasarkan koleksi Perpustakaan Negara Malaysia yang merangkumi tempoh abad ke-16 hingga abad ke-20 bagi memastikan pelbagai perspektif dan perkembangan ilmu tradisional sepanjang tempoh tersebut.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

PEMETAAN INVENTORI KEPUSTAKAAN ILMU MELAYU

Penelitian awal terhadap inventori-inventori kepustakaan ilmu tradisional yang digariskan oleh Harun Mat Piah, et al (2006) dan Harun Mat Piah (2014) telah berhasil mendokumentasi ilmu milik masyarakat tempatan yang direkodkan dalam manuskrip Melayu dan memberi kefahaman penting tentang potensi ilmu tersebut kepada kemaslahatan masyarakat pendukungnya. Kesinambungan daripada inventori tersebut telah mencetuskan kajian-kajian ilmu baharu yang tidak dinafikan sumbangannya kepada inventori kepustakaan ilmu tradisional. Secara komprehensifnya, ilmu-ilmu baharu ini adalah terhasil daripada rujukan manuskrip Melayu yang mengetengahkan pedoman atau panduan yang dapat digunakan oleh masyarakat. Justeru itu, pemetaan kepustakaan ilmu tradisional perlu dilakukan bagi memantapkan pemahaman secara bersepada, dinamik dan menyeluruh.

Dalam penulisan ini, pemetaan merujuk kepada penyusunan dan huraian inventori ilmu tradisional sedia ada dan baharu berdasarkan manuskrip Melayu dan perbincangan ilmiah. Tujuannya adalah untuk mengelompokkan inventori berdasarkan sumber data yang sama. Oleh itu, batasan pemetaan ini adalah tertumpu kepada sumber perbahaman, kandungan perbincangan dan manifestasi yang terdapat dalam manuskrip Melayu terpilih. Manakala kriteria atau ciri inventori yang diperlihatkan adalah bersandarkan kepada karya atau judul khusus kepada suatu ilmu tradisional yang diperoleh menerusi lisan dan direkodkan ke dalam bentuk tulisan serta dijadikan pedoman oleh masyarakat tempatan. Hal ini bertepatan dengan pengertian kepustakaan ilmu tradisional dalam kesusasteraan Melayu iaitu khazanah ilmu, pemikiran, dan kepercayaan tempatan yang digunakan sebagai bahan pembelajaran dan amalan masyarakat pada zaman penulisan naskhah berkenaan (Harun et al., 2006).

PEMETAAN SEMULA INVENTORI KEPUSTAKAAN ILMU TRADISIONAL


Seterusnya, perbincangan ini menumpukan kepada pemetaan semula inventori sedia ada dengan merangka inventori tertentu dan menamakan semula inventori sedia ada agar lebih relevan dan mudah difahami. Inventori sedia ada yang kukuh tidak dibincangkan. Tujuannya adalah untuk menyusun semula inventori bagi memudahkan pengelasan. Inventori sedia ada boleh dirujuk pada jadual 3. Perbincangan ini dimantapkan dengan menggunakan data daripada manuskrip Melayu yang membina kesusasteraan Melayu tradisional. Inventori yang dipetakan semula adalah seperti berikut.

ILMU PERKASIHAN

Dalam inventori sedia ada, menyenaraikan ilmu berahi sebagai ilmu yang merangkumi ilmu jimak, petua kepuasan jimak, syahwat, mantera, jampi, doa, azimat, dan ilmu pengasih (Harun Mat Piah et al., 2006). Namun demikian, konteks perbincangan ilmu berahi terhad kepada seksologi selain nama inventori yang kurang sesuai menyebabkan ia sukar untuk berkembang dalam masyarakat yang menganggapnya sebagai tabu. Menurut Nur Izzati Rozman (2018), masyarakat Melayu sensitif terhadap isu seperti adat, seks, dan fungsi tubuh. Oleh itu, dicadangkan supaya nama inventori ini diganti kepada “ilmu perkasihan” yang lebih eufemistik dan mudah dibincangkan. Dengan penggantian nama ini, diharapkan perbincangan dapat meluas tanpa terlalu fokus kepada hubungan seks. Ilmu perkasihan merujuk kepada pengetahuan tentang membangkitkan rasa romantis dalam hubungan manusia dan memberi kebahagiaan kepada diri dan pasangan. Muhammad Nasiruddin bin Mohd Sobri (2019) menyatakan kepentingan ilmu ini dalam membincangkan hubungan suami isteri. Harun Mat Piah (2016) tidak menyertakan ilmu perkasihan dalam kepustakaan ilmu tradisional, tetapi beliau merupakan perintis kajiannya. Ilmu ini merangkumi bukan sahaja bab wati atau jimak, tetapi juga petua pemakanan, rahsia awet muda, masalah kesihatan, dan cara menggoda pasangan, termasuk rawatan melalui doa, jampi, dan mantera.

Terdapat tiga fasa utama dalam ilmu perkasihan iaitu sebelum jimak yang melibatkan persediaan organ seksual, semasa jimak yang memfokuskan kepada perlakuan, hukum hakam dan petua jimak dan selepas jimak yang menekankan pengurusan organ seksual (Muhammad Nasiruddin bin Mohd Sobri, 2019). Setiap fasa yang dilalui menunjukkan keintelektualan masyarakat Melayu yang berhemah dalam hubungan suami isteri. Dengan kata lain, fasa ini melibatkan persediaan, penaklukan dan juga keintiman selepas berkasih sayang. Oleh itu, konsep

dasar kepada ilmu perkasihan adalah memanifestasi cinta dan kasih sayang dalam berumahtangga serta mengutamakan penjagaan terhadap anggota erotik dan rawatan dalaman suami dan isteri.



RAJAH 1. Lakaran Wati Manusrip MSS 686

Terdapat sumber perbahaman untuk membincangkan ilmu perkasihan termasuk manusrip seperti Kitab Tib :MSS 1292, MSS 2219, MSS 2515, MSS 2905 dari Perpustakaan Negara Malaysia dan MS 119 di Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain itu, manusrip berkaitan perubatan, fiqah, adab, firasat, dan raksi juga boleh digunakan. Namun, perbincangan mengenai ilmu perkasihan masih terhad dengan hanya Harun Mat Piah dan Muhammad Nasiruddin Mohd Sobri yang mengetengahkan topik ini melalui penulisan mereka. Sumbangan dari manusrip Melayu sangat signifikan dalam membantu masyarakat mencari solusi kebahagiaan dan memahami rahsia keintiman selaras dengan peningkatan kes perceraian yang dilaporkan oleh Mohd Hafiz Ismail (2020) dan Tuty Haryanty Ahmad Rodzi (2022). Oleh itu, ilmu perkasihan perlu ditelaah kerana ia menawarkan alternatif untuk mengeratkan hubungan suami isteri dan sebagai persediaan bagi individu yang akan mendirikan rumah tangga.

PEMETAAN INVENTORI BAHARU INVENTORI KEPUSTAKAAN ILMU TRADISIONAL

Perbincangan pada tahap ini berusaha untuk memperkenalkan dan menghuraikan kepustakaan ilmu tradisional yang tidak terdapat dalam inventori sedia ada. Inventori ini dinamakan sebagai pemetaan inventori baharu dalam genre kepustakaan ilmu tradisional. Pemetaan baharu ini tercetus daripada permasalahan yang telah dinyatakan sebelum ini. Berikut adalah inventori baharu yang dikenal pasti berdasarkan kepada kandungan manusrip Melayu dan juga kajian yang dilakukan oleh sarjana.

ILMU TERASUL

Terasul berasal dari perkataan arkaik yang bermaksud surat-menjurat atau peraturan mengenai surat-menjurat. Menurut Mohd. Jamil Al-Sufri (2002), terasul merujuk kepada sistem rujukan kehormat untuk individu tertentu, seperti kerabat diraja dan pembesar, yang diletakkan sebelum nama untuk memuliakan mereka. Awang Sariyan (2007) dan Rohaidah Haron (2009) menekankan bahawa gelaran dan taraf kedudukan penting untuk lakuhan sapaan yang tepat. Terasul digunakan

dalam persuratan rasmi, beristiadat, atau majlis tidak formal. Menurut Gallop (1994), kitab terasul adalah teks esoterik yang hanya dapat difahami oleh kelompok tertentu. Kebanyakan kandungannya terdiri daripada koleksi puji-pujian yang merupakan pembukaan yang disesuaikan untuk surat dalam kalangan golongan darjat tertentu. Dalam *Kitab Terasul* (Cod.Or.1764), koleksi Perpustakaan Universiti Leiden terdapat garis panduan berkenaan kata puji-pujian:

Adapun doa yang dikatakan pesurat itu menyebutkan, akan orang yang dikirimi juga pujinya dan jangan puji itu, akan yang berkirim melainkan raja-raja yang besar kepada raja yang kecil tiada mengapa diberi puji-puji ini yang sempurna barang sedikit juga, itupun jangat sangat. Bahana berlebih-lebihan, maka selaku-laku membujuk; hanya puji itu dengan sifat yang diperoleh daripadanya sekalian, atau sedikit daripada sifatnya itu tiada mengapa; jangan dipujikan dengan sifat yang tiada sekali-kali diperoleh daripadanya, maka jika dipuji itu pada bukan patutnya, adalah seperti mencela-cela.

Namun begitu, Gallop (1994) menyatakan bahawa manuskrip Terasul berkod CUL Add.3780 (8) yang ditulis oleh M. Abdul Nasir dari Brunei atau Sarawak memberikan garis panduan menyeluruh dan praktikal dalam surat-menyurat. Hal ini termasuk penempatan cap dan kepala surat mengikut darjat dan pangkat penulis dan penerima, pemilihan kata-kata untuk kepala surat, puji-pujian, alamat pada sampul surat serta penggunaan ganti nama dan gelaran yang betul. Dalam bidang ilmu terasul, Gallop dan Ab. Razak Ab Karim dikenal sebagai pengkaji prolifik. Namun begitu, kedua-dua penulis ini mempunyai kecenderungan penulisan masing-masing. Penulisan Gallop banyak berkisar pada cap mohor seperti *The Legacy of the Malay Letters (Warisan Warkah Melayu)* (1994), *Malay seal inscriptions : a study in Islamic epigraphy from Southeast Asia* (2002), *The early use of seals in the Malay world* (2016) dan *Malay Seals from the Islamic World of Southeast Asia* (2019). Manakala penulisan Ab Razak Ab Karim lebih tertumpu kepada struktur terasul seperti *Aspek penggunaan bahasa dalam warkah-warkah Melayu Lama: Satu Kajian* (2002), *Warkah-Warkah Kesultanan Melayu Lama Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia: Analisis Komponen Dan Binaan Warkah* (2005) dan *Warkah Raja-Raja Melayu: Struktur, Stilistik, Dan Nilai Estetika* (2013).

Gallop (1994) menyenaraikan 11 item dalam ilmu terasul termasuk reka bentuk dan hiasan, cap mohor, kepala surat, puji-pujian, kandungan warkah, hadiah, penutup, alamat sampul surat, utusan, dan adat mengiring surat. Sementara itu, Ab Razak Ab. Karim (1998) menyenaraikan enam perkara utama dalam terasul: kepala surat, cap, kata puji-pujian, isi, prapenutup, dan penutup. Perbezaan ini berlaku kerana Gallop telah memasukkan unsur luaran terasul seperti adat-istiadat pengutusan surat dan kesenian. Penerangan ringkas untuk item ilmu terasul terpilih dapat dinyatakan seperti berikut:

- a) kepala surat terletak di bahagian atas surat dan ditulis dalam bahasa Arab dalam ungkapan yang ringkas. Misalnya, *Qawluh al- Haqq*.
- b) cap mohor juga dikenali sebagai meterai, tera atau mohor adalah menunjukkan ketulenan surat dan sebagai ganti tandatangan daripada pengirim surat. Kedudukan cap mohor penting bagi menunjukkan status pengirim. Lazimnya, ia terletak pada bahagian sebelah kanan bahagian atas dan selari dengan baris pertama surat.
- c) puji-pujian kedudukannya ditemui di awal baris surat dengan menyatakan nama dan gelaran. Misalnya, maha hebat, maha mulia, adil, berkuasa, bijaksana dan saksama.
- d) isi atau kandungan teks menzahirkan niat penghantar dan fokus perhatian penerima.
- e) penutup ialah bahagian akhir warkah yang lazimnya akan ditemui tarikh, tempat dan ungkapan doa dengan frasa. Menurut Raja Ali Haji (1892) menyatakan dalam *Bustan al-*

Katibin bahawa pada setiap penutup atau akhir surat, perlu disertakan selawat terhadap Nabi Muhammad SAW dan diletakkan tarikh, hari, bulan dan waktunya.

Demikian lagi hendaklah tiap-tiap akhir perkataan itu selawat akan Nabi sallallahu alaihi wassalam, serta ditaruhnya tarikhnya dan bulannya dan harinya dan waktunya



RAJAH 2. Susunan Item Ilmu Terasul Pada Surat Melayu

Sehubungan itu, sumber perbahaman ilmu terasul boleh diperoleh daripada institusi penyimpanan manuskrip seperti Perpustakaan Negara Malaysia dengan merujuk MSS 3100 (B) dan MSS 31900 atas nama *Kitab Terasul*, koleksi British Library iaitu 14654.e35.f.c dengan nama manuskrip *Inilah majmu 'terasul aturan resaman tertib Kedah* dan koleksi School of Oriental and African Studies MS 40505; *A Kedah Court Terasul Or Guide To Letter Writing*. Selain itu, sumber surat-surat Melayu juga dapat digunakan bagi meneliti pengaplikasian ilmu terasul.


ILMU RIADAH

Riadah bermakna perbuatan mendidik jiwa untuk istiqamah beribadat dan mematuhi perintah Allah serta menjauhi laranganNya (K.H. Choer Affandi, 2007). Nik Muhammad Lohkman Hashim (2018) menyatakan bahawa riadah adalah aktiviti berasaskan pengalaman yang menyenangkan dan dilakukan secara sukarela dan memberikan kepuasan kepada pelakunya. Hilmi Ibrahim (1991) menambah bahawa riadah dapat merehatkan minda dan badan setelah kepenatan. Ilmu riadah dalam manuskrip Melayu dikesan awal oleh Jelani Harun (2018) dan diteruskan kajiannya oleh Khairul Zainie Jasni dan Salmah Jan Noor Muhammad (2022). Namun begitu, penulisan sarjana ini memfokuskan kepada peristiwa-peristiwa riadah yang dilakukan oleh golongan raja dalam *Misa Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Penelitian menunjukkan bahawa raja-raja

Melayu sering melakukan aktiviti riadah seperti pengembaraan, pelayaran, dan lawatan ke tanah jajahan. Oleh itu, Jelani Harun, Khairul Zainie Jasni dan Salmah Jan Noor Muhammad menggesa agar perbincangan mengenai riadah raja, bangsawan, dan orang kebanyakan dilanjutkan dengan menggunakan sumber manuskrip secara menyeluruh. Tidak dinafikan, sumber untuk ilmu riadah atau masa senggang sukar ditemui dengan bilangannya yang terhad. Manuskrip yang dikenal pasti di Perpustakaan Negara Malaysia ialah *MS 1649 Petua Pelaga Lembu, Kerbau, dan Biri-biri* dari Kelantan-Patani. Manuskrip ini menampilkan seni ilustrasi serta adat dan budaya masyarakat dan termasuk persediaan untuk majlis perlagaan lembu. Ia merangkumi kaedah pengurusan pelagaan lembu dan haiwan lain sebelum dan selepas temasya serta peranan pawang dalam menentukan kesesuaian masa untuk mengadakan temasya tersebut. Manuskrip ini telah dikaji oleh Shahrul Shaari dan rakan-rakan penulis (2019 dan 2023) dari sudut ilustrasi visual dan ilustrasi wafak, tetapi belum dari aspek riadahnya.

Temasya perlagaan yang dinyatakan dalam manuskrip *MS 1649 Petua Pelaga Lembu, Kerbau dan Biri-biri* merupakan bentuk permainan untuk mengisi masa lapang masyarakat Kelantan. Menurut Abdullah Mohamed (1991) pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad II (1837-1886), kegiatan laga binatang seperti melaga lembu, kerbau, kambing, biri-biri, serta menyabung ayam dan manusia melalui peraduan silat sangat popular. C.C. Brown (1928) menyatakan bahawa lembu yang dilagakan biasanya dari jenis Brahmin dengan badan besar dan tanduk yang menghala ke depan iaitu ciri-ciri yang dianggap penting oleh pawang untuk memastikan kemenangan. Perlagaan haiwan ini juga melibatkan aktiviti perjudian. Walaupun dianggap sebagai penyeksaan terhadap haiwan, ia dilihat sebagai kehebatan bagi pemilik haiwan yang menang dalam temasya tersebut.

Selain manuskrip bertemakan perlagaan haiwan, sumber perbaahan yang boleh digunakan untuk mengembangkan perbincangan ilmu riadah ini boleh merangkumi aspek kesihatan yang mengutamakan pergerakan badan seperti *MSS 1789 Petua dan azimat, memberi pelbagai petua dan azimat, di antaranya masa yang sesuai untuk berjalan, petua membina rumah dan alamat pergerakan badan* dan *MSS 1177 Petua Mencatat petua-petua orang Melayu seperti alamat pergerakan bahagian-bahagian tertentu tubuh badan, waktu yang sesuai untuk berjalan, dan alamat binatang masuk ke rumah atau kampung pada hari tertentu*, *MSS 2900, MSS 2381 Petua Gajah dengan menggunakan mantera untuk menyembuhkan pelbagai penyakit yang ada pada gajah, cara menjinakkan gajah, melembutkan hati gajah serta petua memilih gajah yang bertuah*, koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.



RAJAH 3. Petua Gajah (MSS 2381)
Sumber: Facebook Perpustakaan Negara Malaysia

Berikut adalah jadual berkenaan kajian dan cadangan item dalam ilmu riadah sebagai inventori ilmu baharu dalam kepustakaan ilmu tradisional.

JADUAL 2. Cadangan Item Ilmu Riadah

Ilmu Riadah	
a) Cadangan Kajian Item Untuk Dibincangkan	
1.	Jenis riadah
2.	Tujuan melakukan riadah
3.	Kaedah pelaksanaan riadah
b) Sumber Manuskrip	
1.	MS 1649 <i>Petua Pelaga Lembu, Kerbau dan Biri-biri</i>
2.	MSS 1789 <i>Petua dan azimat, memberi pelbagai petua dan azimat, di antaranya masa yang sesuai untuk berjalan, petua membina rumah dan alamat pergerakan badan</i>
3.	MSS 1177 <i>Petua Mencatat petua-petua orang Melayu seperti alamat pergerakan bahagian-bahagian tertentu tubuh badan, waktu yang sesuai untuk berjalan, dan alamat binatang masuk ke rumah atau kampung pada hari tertentu</i>
3.	MSS 2900, MSS 2381 <i>Petua Gajah dengan menggunakan mantera untuk menyembuhkan pelbagai penyakit yang ada pada gajah, cara menjinakkan gajah, melembutkan hati gajah serta petua memilih gajah yang bertuah</i>

Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.

Jadual 2 di atas terbahagi kepada cadangan kajian item untuk dibincangkan agar kajian lanjutan dilakukan. Butiran yang diketengahkan ini adalah berdasarkan konsep asas kajian iaitu jenis riadah, tujuan riadah dilakukan dan juga kaedah pelaksanaan riadah dilakukan serta beberapa sumber manuskrip Melayu yang sesuai untuk ilmu ini. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklumat lebih detail tentang ilmu ini agar menjadi suatu inventori ilmu baharu yang lebih mantap.

ILMU MEMASAK

Ilmu memasak merupakan inventori ilmu baharu yang dimasukkan dalam senarai kepustakaan ilmu tradisional. Ilmu ini sangat penting bagi mencungkil pengetahuan berkenaan cara pengendalian atau penyediaaan masakan oleh masyarakat tempatan. Namun begitu, kajian terhadap ilmu memasak masih lagi tidak berkembang dengan luas. Melalui pengamatan, hanya penulisan Muhammad Marwan Mohd Tanos, Zahir Ahmad dan Nik Safiah Karim (2018) yang dikenal pasti membincangkan ilmu ini.

Berdasarkan kajian lepas, terdapat manuskrip Melayu simpanan Perpustakaan Negara Malaysia yang bertemakan ilmu memasak iaitu MSS 2832 *Resipi Masakan*, MSS 2926 *Petua Memasak* dan MSS 3747 *Resepi Masakan*, dan besar kemungkinan selebihnya disimpan di institusi pengajian Melayu seperti di Pusat Dokumentasi Manuskrip, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Universiti Leiden serta dimiliki oleh orang persendirian. Hasil penelitian adalah berdasarkan kajian terhadap MSS 2926 *Petua Memasak* yang menunjukkan Muhammad Marwan Mohd Tanos dan Zahir Ahmad menemui elemen penting dalam ilmu memasak. Antara elemen penting tersebut ialah syarat dan sifat seorang tukang masak yang wajib melaksanakan sembahyang fardu, memiliki sifat berani dalam mengira kuantiiti penggunaan ramuan.

Elemen seterusnya ialah berkenaan ramuan masakan yang digunakan adalah terdiri daripada rempah ratus, daging, buah-buahan, sayur-sayuran dan barang siap. Selain itu, turut dibincangkan ialah kaedah memasak yang berfokus kepada cara penyediaan susunan ramuan masakan serta penggunaan perkakas memasak yang digunakan oleh tukang masak seperti periuk dan kawah di samping unit timbangan yang digunakan, misalnya cupak, gantang dan kati manakala dari segi ukuran pula dengan menggunakan anggota tubuh badan dan pemerhatian tukang masak.



RAJAH 4. MSS 2926 Buku Petua Memasak
Sumber : Perpustakaan Negara Malaysia (Gambar Koleksi Penulis)

Penulisan berkenaan ilmu memasak masih lagi dibincangkan pada tahap asas namun begitu ilmu ini sangat membantu mendeskripsikan tentang pengetahuan memasak masyarakat silam. Oleh itu, penulisan lanjut berkaitan inventori ilmu memasak perlu diperbanyak. Hal ini sangat bermakna, sekiranya penelitian secara berterusan terhadap manuskrip Melayu bertemakan ilmu memasak sudah tentu akan dapat menyelongkar elemen yang terkandung pada manuskrip ini dapat seterusnya dikembangkan dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Perkara ini selari dengan pendapat Mashitah Sulaiman et.al (2021) yang menyatakan bahawa manuskrip Melayu mengetengahkan kearifan tempatan yang bersumberkan akumulasi ilmu pengetahuan berdasarkan pengalaman serta interaksi masyarakat Melayu dengan persekitarannya.

Berikut adalah jadual berkenaan kajian dan cadangan item dalam ilmu memasak sebagai inventori ilmu baharu dalam kepustakaan ilmu tradisional.

JADUAL 3. Kajian Dan Cadangan Item Ilmu Memasak

Ilmu Memasak		Sumber Manuskrip
a) Kajian Item telah dibincangkan		
1. Syarat dan sifat seorang tukang 2. Ramuan masakan yang digunakan 3. Kaedah memasak 4. Penggunaan perkakas memasak 5. Unit timbangan dan ukuran		MSS 2832 <i>Resipi Masakan</i> , MSS 2926 <i>Petua Memasak</i> dan MSS 3747 <i>Resepi Masakan</i> Tempat penyimpanan: Perpustakaan Negara Malaysia
b) Cadangan kajian item untuk dibincangkan		
1. Cara menstabilkan rasa dalam masakan 2. Hiasan atau dekorasi masakan		

Jadual 3 di atas terbahagi kepada dua bahagian iaitu:- a) kajian item telah dibincangkan dan b) cadangan kajian item untuk dibincangkan. Pada bahagian a), senarai item adalah berdasarkan kepada pengisian manuskrip *MSS 2926 Petua Memasak* yang telah dikaji oleh penulis Muhammad Marwan Mohd Tanos, Zahir Ahmad dan Nik Safiah Karim (2018). Manakala pada bahagian b) merupakan cadangan item yang perlu dilakukan kajiannya berdasarkan kepada sumber manuskrip yang dinyatakan. Justeru itu, apabila bahagian a) dan b) digabungkan, maka item yang membina ilmu memasak ialah: syarat menjadi tukang masak, penggunaan bahan masakan, kaedah dan pengendalian rasa masakan (termasuk unit timbang dan ukur) dan hiasan masakan.

Inventori baharu dalam kajian ini iaitu ilmu terasul, ilmu riadah, dan ilmu memasak bukan sahaja memperkayakan khazanah kesusasteraan Melayu tradisional tetapi juga meluaskan skop perbincangan kepelbagaian ilmu dan menawarkan potensi penyelidikan secara teori dan amali. Ilmu tradisional yang dikaji khususnya ilmu memasak dan ilmu riadah dapat ditransformasi kepada produk pelancongan dan warisan. Misalnya, resipi tradisional boleh dipromosikan sebagai tarikan pelancongan manakala amalan riadah tradisional boleh dihidupkan semula untuk menarik minat generasi muda dan masyarakat umum. Pada masa yang sama, warisan budaya juga dapat diterapkan bersama-sama menerusi kepelbagaian program pembentukan identiti budaya yang dapat membantu mengukuhkan rasa jati diri dan kebanggaan terhadap warisan budaya.

Secara ringkasnya, diperturunkan jadual di bawah berdasarkan perbincangan tentang pemetaan semula dan pemetaan baharu inventori kepustakaan ilmu tradisional:

JADUAL 4. Ringkasan Pemetaan Inventori Kepustakaan Ilmu Tradisional

Bil	* ¹ Senarai Asal 1993, 2000 &2006	* ² Senarai perubahan/Penambahan 2014	* ³ Senarai perubahan/penambahan Versi SJ
1.	Ilmu bintang	Dimasukkan sebagai cabang dalam ilmu ramalan dan penjuman	Tetap dan tiada perubahan
2.	Ilmu penjuman, ramalan atau ilmu firasat	Ilmu Ramalan dan Penjuman : (a) Ramalan Rejang, (b) Ramalan bintang (ilmu bintang, ilmu nujum), (c) Ramalan melalui firasat (ilmu firasat), (d) Ramalan melalui mimpi (ta'bir mimpi), (e) Ramalan melalui raksi (ilmu raksi, laksana atau raksi jodoh), (f) Ramalan melalui padah atau katurangan	Tetap dan tiada perubahan
3.	Ilmu perubatan, perdukanan dan perbomohan	Tetap dan tiada perubahan	Tetap dan tiada perubahan
4.	Ilmu bahasa	Ilmu bahasa, tatabahasa dan penulisan surat kiriman	Tetap dan tiada perubahan
5.	Ilmu hisab atau hitungan	Tetap dan tiada perubahan	Tetap dan tiada perubahan
6.	Ilmu tanaman	Ilmu pertanian, tanaman dan ternakan	Tetap dan tiada perubahan
7.	Ilmu bedil	Ilmu bedil, membuat peluru dan teknik menembak,	Tetap dan tiada perubahan
8.	Ilmu pertukangan termasuk rumah dan senjata tajam	Tetap dan tiada perubahan	Tetap dan tiada perubahan
9.	Ilmu berahi	Ilmu berahi (panduan seks dalam perkahwinan)	Ilmu perkasihan
10.	Lain-lain, misalnya ilmu perwayangan atau perdalangan, tarian, menyabung ayam dan lain-lain.	Lain-lain, misalnya mengenai ayam sabungan.	Tetap dan tiada perubahan
11.	-	*Ilmu kesenian, termasuk perwayangan, lagu dan tarian	Tetap dan tiada perubahan
12.	-	-	Ilmu terasul
13.	-	-	Ilmu riadah
14.	-	-	Ilmu memasak
Jumlah	10	11	14

Catatan:

*¹= Versi Harun Mat Piah et.al

(1993, 2000, 2006)

*²= Versi Harun Mat Piah (2014)

*³= Versi SJ

-  = Pemetaan Semula
-  = Pemetaan Baharu
-  = Jumlah Keseluruhan

Proses pemetaan semula inventori sedia ada dan pemetaan baharu inventori kepustakaan ilmu tradisional yang dijalankan dalam kajian ini turut menghadapi pelbagai cabaran dan batasan dalam melaksanakan kajian. Antaranya: (1) definisi ilmu tradisional yang kabur dan pertindihan antara pelbagai jenis ilmu menyukarkan pengelasan, (2) ketidakseragaman manuskrip memerlukan pelbagai teknik analisis teks, (3) kekurangan sumber rujukan komprehensif menyukarkan perbandingan dengan kajian terdahulu dan (4) memerlukan kepakaran pelbagai bidang untuk mengklasifikasi ilmu tradisional. Walaupun menghadapi cabaran dan batasan, kajian ini berusaha melakukan pemetaan semula dan mengenal pasti inventori baharu untuk perkembangan bidang. Dengan pemetaan ini akan memberi asas kukuh bagi kajian lanjutan yang dapat membantu dalam usaha pendokumentasian, pendigitalan, dan pengkatalogan ilmu tradisional dengan lebih sistematik dan komprehensif serta menyediakan rujukan yang bermanfaat bagi penyelidik masa hadapan dalam pelbagai disiplin ilmu. Selain itu, pemetaan ini juga adalah salah satu inisiatif untuk memelihara warisan budaya yang merupakan identiti kepada masyarakat agar tidak tenggelam dengan ilmu arus perdana. Hal ini kerana dalam era globalisasi menjaga kelestarian ilmu tradisional adalah penting bagi memastikan nilai-nilai dan kearifan tempatan terus relevan dan dihargai oleh generasi kini dan akan datang.

Hasil dapatan kajian ini signifikan kepada kajian interdisiplin kerana ia mendedahkan kepelbagaian ilmu dan pengetahuan dalam manuskrip Melayu. Kajian kepustakaan ilmu tradisional memerlukan pendekatan interdisiplin merangkumi sejarah, sastera, bahasa, antropologi, dan ilmu tradisional itu sendiri bagi pemahaman holistik khazanah intelektual bangsa. Implikasi positifnya termasuk: (1) mendedahkan sistem kepercayaan dan amalan tradisional dalam bidang antropologi; (2) analisis leksikal dan semantik istilah menerusi ilmu tradisional dalam bidang bahasa; (3) pengayaan bidang sastera melalui analisis gaya bahasa dan teknik penulisan dalam manuskrip dan (4) peningkatan kajian sejarah menerusi penentuan tarikh, pengarang, dan tujuan penulisan manuskrip. Menurut Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif (2002), pendekatan sejarah tempatan merangkumi pelbagai tema yang melibatkan aspek politik, ekonomi, dan sosial. Oleh itu, kajian pelbagai bidang ini dapat meneroka hubungan antara pelbagai jenis ilmu tradisional dan impaknya terhadap pembangunan masyarakat serta membangunkan strategi untuk mewarisi ilmu ini kepada generasi akan datang. Pendekatan interdisiplin yang merangkumi analisis data daripada pelbagai sumber seperti manuskrip, catatan lisan, dan kajian arkeologi akan menghasilkan kajian yang memberi sumbangan besar kepada pelbagai bidang ilmu pengetahuan. Pendekatan ini akan memperkuatkkan identiti dan jati diri bangsa dengan mendedahkan kepelbagaian khazanah intelektual bangsa. Hal ini juga akan menyediakan asas yang kukuh untuk usaha-usaha pelestarian warisan budaya, pembangunan produk pelancongan bertemakan warisan dan promosi warisan budaya Malaysia di peringkat antarabangsa bagi memastikan kelestarian dan kerelevan ilmu tradisional.

KESIMPULAN

Kepustakaan ilmu tradisional merupakan genre dalam sastera tradisional. Ia merupakan himpunan ilmu pengetahuan yang telah direkodkan ke dalam manuskrip Melayu agar maklumat berkenaan kepelbagaian ilmu ini tidak hilang begitu sahaja dan dapat diwarisi dari turun temurun. Harun Mat Piah, et al (2006) merupakan perintis kepada inventori kepustakaan ilmu tradisional dengan menyenaraikan sebanyak 10 inventori pada peringkat awal dan dikemaskin pada 2014 oleh beliau dengan beberapa perubahan inventori berdasarkan kepada penelitian manuskrip Melayu.

Kehadiran kepustakaan ilmu tradisional dalam kancang penyelidikan membuktikan bahawa ilmu ini dijadikan sebagai sumber maklumat atau panduan yang penting bukan sahaja di peringkat dalam tetapi juga di luar lingkungan pendukungnya. Ilmu yang berkesinambungan antara satu sama lain ini dapat digunakan sehingga kini dan merupakan prospek ilmu yang dapat dikembangkan dan diasimilasikan bersama-sama dengan ilmu moden. Oleh itu, pemetaan semula inventori kepustakaan ilmu tradisional menjadi fokus utama dalam penulisan iaitu dengan memberi nama baharu yang sesuai seperti ilmu perkasihan selain melakukan pemetaan inventori baharu bagi mengetengahkan ilmu yang tidak dinyatakan dalam kepustakaan ilmu tradisional. Hasil daptatan kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada para sarjana bagi mengelakkan pertindihan perbincangan. Konsep, deskripsi ciri atau kriteria dan contoh manuskrip Melayu berkaitan yang telah dikemukakan dijangka dapat berfungsi untuk memberikan pemahaman yang lebih komprehensif kepada pengkaji, khasnya dalam bidang bukan sastera selain khalayak pembaca umum. Kajian ini juga memberi impak besar kepada penyelidik dan membuat dasar. Penyelidik boleh menggunakan daptatan kajian untuk kajian lanjutan, pembangunan kerangka teori dan kajian perbandingan rentas budaya. Bagi membuat dasar, daptatan kajian ini penting dalam merangka dasar dan strategi pelestarian warisan budaya melalui program pendidikan, produk pelancongan dan promosi warisan sekali gus mewarisi khazanah ilmu tradisional Melayu kepada generasi akan datang.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Perpustakaan Negara Malaysia yang telah memberi kebenaran untuk merujuk koleksi manuskrip Melayu.

RUJUKAN

- Abdul Ghani Hussain. 2015. *MSS 2999 Kitab Tib: Pandangan Dan Tafsiran Perubatan Moden Terhadap Manuskrip Perubatan Melayu*. Kepong: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.
- Abdullah Mohamed. 1991. Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan 1879-1935 .dlm Warisan Kelantan 10. hlm 26-108
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2014. Menyingkap Ilmu Perubatan Melayu Menerusi Beberapa Manuskrip Terpilih. *Jurnal Sejarah* 23(1), 21-44.
- Braginsky V.I. 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid dan Nurul Wahidah Binti Fauzi. 2012. Perubatan Melayu Tradisional: Kitab Tibb Pontianak. *Jurnal Al-Tamaddun* 7(1), 149-162.
- Filzah Ibrahim, Nor Farhana Che Mat, Wan Norasikin Wan Ismail dan Muhammad Firdaus bin Hamdan. 2018. Kearifan Tempatan Dalam Kosa Kata Persenjataan Melalui Kajian Manuskrip MS 31: Suatu Pengenalan. *AIJLLS* 2 (5),115-135.
- Gagne, R. 1985. *The Conditions of Learning*. 4th Ed. New York: Holt, Rinehart & Winston.

- Gallop, Annabel. 1994. *The Legacy of the Malay Letter: Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library, from the National Archives of Malaysia.
- Harun Mat Piah dan Naseer Sobree. 2019. *Seksologi: Ilmu Perkasihan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. 1993. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. 2000. *Kesusasteraan Melayu Tradisional (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Abdul Rahman Kaeh dan Jamilah Haji Ahmad. 2006. *Kesusasteraan Melayu Tradisional (Siri Lestari Sastera)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 2012. Kitab Tib Sebagai Wadah Ilmu Dan Kearifan Melayu. Kertas yang dibentangkan dalam *Wacana Manuskrip Melayu*. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah. 2014. Ilmu Perkasihan (Seksologi) Melayu Tradisional: Satu pembicaraan awal. Kertas kerja dibentangkan dalam *Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu*. Hotel Seri Pasific, Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah. 2015. Ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah-naskhah lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 3(3), 3-17.
- Harun Mat Piah. 2016. Sumber Perbaahan Dalam Ilmu Perkasihan Melayu Tradisional. Kertas Kerja dibentangkan dalam *Wacana Manuskrip Melayu* pada 19-20 April 2016. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Hilmi Ibrahim. 1991. Leisure and Islam. *Leisure Studies* 1(2), 197-210.
- Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, Hasmadi Hasan dan Imaduddin Abidin. 2020. Kearifan Tempatan Che Wong. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 5(2), 57 - 64.
- Jelani Harun. 2011. *Umpama Sebuah Bahtera, Kajian Naskhah Melayu, Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Jelani Harun. 2018. Riadah dalam Hikayat Misa Melayu. *Dewan Sastera* 8, 45-47.
- K.H Choer Affandi. 2007. *La Tahzan Innallaha Ma'ana: Bersama Allah di setiap Tempat dan Waktu*. Bandung: Pt Mizan Pustaka.
- Kamus Dewan* (Edisi keempat). 2005. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katalog Manuskrip Melayu*. 2000. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Tambahan Pertama*. 2001. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Tambahan Ketiga*. 2003. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Khairul Zainie Jasni dan Salmah Jan Noor Muhammad. 2022. Aktiviti Riadah Kesultanan Melayu Kedah dalam Hikayat Merong Mahawangsa Berdasarkan Teori Spektrum Kesenggangan Individu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 10(2), 27 - 32.
- Kitab Tib* (MSS 686), Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Suhailiza Md Hamdani, Muhammad Khairi Mahyuddin. 2021. Manuskrip Melayu Islam Sebagai Warisan Kearifan Tempatan: Isu Dan Prospek Masa Depan. Dlm. *Humane Leadership And Da'wah For Sustainable Future Of Ummah*:

- E-Proceedings Of The International Conference On Da'wah And Islamic Management*, ed. Mohd Faridh Hafez Mohd Omar, Ishaq Ibrahim Ahmad Bani Melhem, Ali Nasser Ali Al-Tahitah, dan Abdul Rahim Zumra, 1-37. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Affendi Mohd Shafri. 2020. *Manuskrip Perubatan Melayu: Warisan Kebitaraan Melayu*. Kajang: Akademi Jawi Malaysia.
- Mohd Hafiz Ismail. 2020. Kes Perceraian Di Malaysia Rekodkan Peningkatan Luar Biasa. <https://www.sinarharian.com.my/article/116749/berita/nasional/kes-perceraian-di-malaysia-rekodkan-peningkatan-luar-biasa> (Telah diakses 19 November 2022).
- Mohd Yusof Abdullah. 2017. Ilmu Kelautan, Perahu Dan Pelayaran Melayu Terengganu. <https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/PKMM%20KELAUTAN%20PERAHU%20DAN%20PELAYARAN%20MELAYU%20TERENGGANU.pdf> (Telah diakses pada 20 Februari 2024).
- Mohd. Jamil Al-Sufri. 2002. *Adat Istiadat Diraja Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Adat Istiadat Negara.
- Mohd. Shahhidel Musa. 2023. Ilmu Perubatan Tradisional Etnik Melayu Sarawak. *Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah)* 8(1), 189-202.
- Muhammad Haji Salleh. 2006. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Marwan Mohd Tanos, Zahir Ahmad, Nik Safiah Karim. 2018. MSS 2926 Petua Memasak: Penelitian Awal Terhadap Ilmu Kuliner Melayu Tradisional. *Jurnal Filologi* 26, 17-41.
- Muhammad Nasiruddin bin Mohd Sobri. 2019. Ilmu Perkasihan Sebagai Salah Satu Cabang Perubatan Melayu. Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam program Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu pada 16 Oktober 2019 di Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nazarudin Zainun. 2015. *Antropologi Dan Sejarah Dalam Kearifan Tempatan*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nik Muhammad Lokhman Hashim. 2018. *Tanggapan Masyarakat Kota Baharu terhadap Aktiviti Riadah di Gua Ikan, Dabong*. Kota Samarahan:Universiti Malaysia Sarawak.
- Nor Che Mat Farhana, Filzah Ibrahim dan Rusmadi Baharudin. 2019. Budaya Literasi Masyarakat Melayu melalui Kajian Manuskrip Ilmu Bedil. *Manuskripta* 9(1), 137-167.
- Nudra Shafini Halis Azhan, Mohd Zariat Abdul Rani dan Salmah Jan Noor Muhammad. 2021. Kesusasteraan Melayu dan “novel persuratan”: Satu pengamatan kritis tentang sambutan terhadap Pujangga Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 28(1), 73–97.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu, <https://prpm.dbp.gov.my> (Telah diakses 04 Januari 2024).
- Raja Ali Haji Raja Haji Ahmad. 1892. *Bustan al-Katibin*.
- Rohaidah Haron dan Zaiton Zakarya. 2023. Sakit Puan Dari Perspektif Kitab Perubatan Tradisional Melayu (Mss 172) Dan Kitab Perubatan China (Bencao Gangmu). *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 7 (2), 153-164.
- Salmah Jan Noor Muhammad. 2018. *Ilmu Diplomatik Melayu Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2022. Pendekatan Sejarah Lokal dan Kepentingannya dalam Pensejarahan Malaysia. *Akademika* 92(3), 199-209.
- Siti Hawa Haji Salleh. 2002. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Siti Hawa Salleh (Penyl.). 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Teuku Iskandar. 1999. *Catalogue of Malay, Minangkabau, and South Sumatran Manuscripts in the Netherlands*. Leiden: Documentatiebureau Islam-Christendom
- Tuty Haryanti Ahmad Rodzi. 23 Mac 2022. *Selangor, Johor Catat Kes Cerai Paling Tinggi*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/03/937674/selangor-johor-catat-kes-cerai-paling-tinggi> (Telah diakses 19 Januari 2024).
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah dan Siti Radziah Mustafa. 2014. Manuskrip Ilmu Bedil Sebagai Sumber Etnosejarah Teknologi Senjata Api Melayu. *KEMANUSIAAN the Asian Journal of Humanities* 21(1): 53-71.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Eizah Mat Hussain dan Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. 2021. Teks Ubat Bedil: Pengetahuan Tekstual Tentang Ubat Bedil Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)* 32(2), 134–147.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. 2013. Pengetahuan dan teknologi Melayu berhubung penggunaan senjata api: Analisis Naskhah Ilmu Bedil. *Disertasi Master*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. 2015. Kepustakaan Ilmu Tradisional: Sumbangan Naskhah-naskhah Ilmu Bedil Melayu. *Jurnal Elektronik Wacana Etnik* 5(1), 13-24.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah. 2019. Istinggar Dalam Manuskrip Melayu: Tradisi Ilmu Dan Teknologi Minangkabau. Kertas kerja ini dibentangkan dalam *Wacana Manuskrip Melayu Siri 1*. Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Salmah Jan Noor Muhammad
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Emel: salmahjan@upm.edu.my